



DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN
KEBERSIHAN PERSEKITARAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA,
SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/631
TARIKH BUKA	18 JULAI 2025
TARIKH TUTUP	1 OGOS 2025
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

www.mbsj.gov.my

TAJUK PEROLEHAN : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN

NO SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/631

SENARAI KANDUNGAN		
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENIFISIAL (LAMPIRAN 12)	BP 1
D	SURAT AKAUN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA (LAMPIRAN 13)	SAS 1
E	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 – AKP 11
F	BORANG SEBUT HARGA SEBUT HARGA	BS 1
G	<i>PREAMBLES</i>	P 1
H	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS 1
J	SENARAI KUANTITI	SK 1 – SK 4
K	PENENTUAN PERKHIDMATAN	PP 1 – PP 6
L	KADAR DENDA	KD 1
M	PELAN LOKASI / GAMBAR	PLG 1 – PLG 3
N	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 – MP 12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan perkhidmatan yang diSebut Harga semasa Penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan perkhidmatan yang diSebut Harga. Justeru itu Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli Jawatankuasa Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang di Sebut Harga, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender/ Sebut Harga
4	Borang Pengisytiharan Pemunya Benifisial (BO) (Lampiran 12)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dengan ditandatangani (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate (TCC)</i>) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Salinan Borang D atau Borang E bagi Kontraktor/ Pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Atau : Salinan Borang Teras (<i>Super Form</i>) bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan/atau Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
10	<p>Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti (untuk mana-mana sekiranya berkaitan) :</p> <p>i) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan</p> <p>ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan</p> <p>iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) yang telah DISAHKAN dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat.</p> <p>iv) Salinan sijil-sijil kursus/ seminar/ latihan berkaitan</p>	<div style="display: flex; flex-direction: column; gap: 10px;"> <input style="width: 40px; height: 20px;" type="checkbox"/> <input style="width: 40px; height: 20px;" type="checkbox"/> <input style="width: 40px; height: 20px;" type="checkbox"/> </div>	<div style="display: flex; flex-direction: column; gap: 10px;"> <input style="width: 40px; height: 20px;" type="checkbox"/> <input style="width: 40px; height: 20px;" type="checkbox"/> <input style="width: 40px; height: 20px;" type="checkbox"/> </div>
11	<p>Lain-lain (Sila nyatakan) :</p> <p>i) _____</p> <p>ii) _____</p> <p>iii) _____</p>		
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(Jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	

* Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

**SURAT AKUAN PEMBIDA
-LAMPIRAN 6-**

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

SEBUT HARGA BAGI : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN, SELANGOR

MBSJ.KUB.400-5/6/631

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan yang mewakili (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana- mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (LAMPIRAN 12)

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/6/631

Saya nombor kad pengenalan yang mewakili syarikat nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di Lampiran A dan senarai pemunya benefisial tambahan bagi kontrak ini (jika ada) adalah seperti berikut:

a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu):

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Kewarganegaraan

b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat):

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing	Lokasi Syarikat (Nama Negara)

[Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cap Syarikat :

Catatan: * Potong yang mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

SURAT AKUAN SYARIKAT (LAMPIRAN 13)

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH
PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA**

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN KOMPLEKS
3K SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN**

MBSJ.KUB.400-5/6/631

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
..... No. Kad Pengenalan yang
mewakili (Nama Syarikat)
..... nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi;
dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

ARAHAN KEPADA PETENDER



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN

Kepada :
Datuk Bandar,
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan senarai kuantiti serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan jumlah tawaran harga sebanyak :

(Ringgit Malaysia : (.....
..... RM)) bagi tempoh perkhidmatan

(ditetapkan) adalah selama **dua (2) tahun**.

Saya/Kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh empat belas (14) hari sekiranya sebut harga ini diterima, bersetuju dengan apa-apa syarat sebut harga yang ditetapkan secara bertulis dan bersetuju bahawa tempoh sah laku sebut harga ini akan dibuka selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh sebut harga ini ditutup.

Saya/ Kami bersetuju Sebut Harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Saya/ Kami bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender) dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk sama ada :

- a) Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/ Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/ Takaful

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Petender akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk **Jadual Fi Bayaran di Perkara 21.0 dalam Arahan Kepada Petender**.

Bertarikh Haribulan 2025.

.....
(Tandatangan Petender)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
No. Telefon :
Atas Sifat :

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
No. Telefon :

.....
Meteri atau Cap Petender



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PREAMBLES

PREAMBLES

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/631

BIL.	<i>PREAMBLES</i>
A	<p>Petender hendaklah menyediakan Perlindungan **Takaful/Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 22 dalam Arahan Kepada Petender).</p> <p>** Walaubagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insurans.</p>
B	<p>Petender hendaklah menyediakan Bon Perlaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender)</p>
C	<p>Petender hendaklah menyediakan kelengkapan kebersihan dan peralatan yang lengkap untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan ini. (rujuk Penentuan Perkhidmatan untuk keterangan lebih lengkap).</p>
D	<p>Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Sebut Harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua Perkhidmatan ini mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan.</p>
E	<p>Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak.</p>
F	<p>Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan Perkhidmatan penyelenggaraan pembersihan serta makluman kepada Petender adalah seperti di Penentuan Perkhidmatan.</p>
G	<p><u>Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai perkhidmatan 2018 [Akta 807]</u></p> <p>a) Semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan (CJCP). Sekiranya bekalan atau perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan CJCP dan penyebut harga yang berjaya adalah syarikat berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka Agensi Kerajaan perlu menwarkan nilai kontrak termasuk kenaan CJCP.</p> <p>b) Penyebut harga hendaklah memaklumkan Agensi supaya CJCP boleh dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status Pendaftaran CJCP dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan melalui kontrak yang dimeterai.</p>



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

RINGKASAN SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

RINGKASAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/631

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN.

BIL	HURAIAN	JUMLAH SEBULAN (RM)	BULAN	JUMLAH 2 TAHUN (RM)
1.0	PENYEDIAAN PAPAN TANDA MAKLUMAN	-	-	
2.0	PENYEDIAAN LAPORAN DAN KELENGKAPAN KEBERSIHAN		X 24	
3.0	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA		X 24	
4.0	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN RUMPUT		X 24	
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)				

RINGGIT MALAYSIA :

.....

TEMPOH PERKHIDMATAN (DITETAPKAN) : DUA (2) TAHUN

.....
Tandatangan Petender

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

No. Kad :

Pengenalan :

Alamat :

.....

.....

Nama Penuh :

No. Kad :

Pengenalan :

Alamat :

.....

.....

Cap Rasmi :

No. Telefon :

Tarikh :

No. Telefon :

Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

SENARAI KUANTITI

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
SENARAI KUANTITI**

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/631
**TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN
 PERSEKITARAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA, SERI
 KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN**

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
1.0	PENYEDIAAN PAPAN TANDA MAKLUMAN				
A	Membekal dan memasang papan tanda makluman berkaitan perkhidmatan penyelenggaraan ini sepanjang tempoh kontrak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti gambar yang dilampirkan dan membuka semula papan tanda tersebut serta membaiki apa-apa kecacatan disebabkan perkara tersebut.	Nos	1
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
2.0	PENYEDIAAN LAPORAN DAN KELENGKAPAN KEBERSIHAN				
	LAPORAN BULANAN				
A	Menyediakan Laporan Bulanan bagi membuktikan perkhidmatan dan penyelenggaraan pembersihan ini telah dilaksanakan iaitu yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan dengan anggaran sekurang-kurangnya enam (6) helaian muka surat	Nos	1
	KELENGKAPAN KEBERSIHAN				
	Menyediakan kelengkapan kebersihan seperti dinyatakan di bawah dan hendaklah memastikan ianya sentiasa mencukupi. Kekerapan pembersihan hendaklah merujuk kepada Penentuan Perkhidmatan.				
	Kompleks 3K Serdang Raya				
B	Sabun pencuci tangan (10L)	Nos	6
C	Sabun mangkuk tandas (10L)	Nos	10
D	Sabun pencuci lantai (10L)	Nos	12
E	Tisu saiz jumbo (2 ply)	Nos	10
F	Plastik sampah warna hitam, saiz 75cm x 90cm, <i>High Density Polyethylene</i> . (1 bag = 10 helai)	Nos	20
G	Plastik sampah warna biru, saiz 47cm x 54cm, <i>High Density Polyethylene</i> . (1 bag = 10 helai)	Nos	20
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
3.0	<p>PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA</p> <p>Kompleks 3K Serdang Raya, Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan</p> <p>A Menyediakan empat (4) orang buruh am dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan luar dan dalam bangunan, gelanggang sukan, gimnasium, ruang pejabat, perpustakaan, bilik mesyuarat, surau, bilik rehat, bilik persalinan, tandas, tempat meletak kenderaan, longkang dan persekitaran dan kekerapan membersihkan hendaklah merujuk kepada Penentuan Perkhidmatan.</p>	Bulan	1
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
4.0	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN RUMPUT				
A	Perkhidmatan memotong rumput di kawasan sekitar dengan kekerapan dua (2) kali sebulan	M2	5,256
B	Perkhidmatan membaja di kawasan padang dengan kekerapan satu (1) kali sebulan menggunakan jenis baja sepertimana diarahkan oleh Majlis di Penentuan Perkhidmatan	Beg	3
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

PENENTUAN PERKHIDMATAN

PENENTUAN PERKHIDMATAN

1.0 PERSEDIAAN AWALAN

1.1 Pihak petender hendaklah menyediakan perkara-perkara berikut bagi melaksanakan perkhidmatan ini iaitu :-

- 1.1.1 Petender hendaklah memastikan pekerjaanya mempunyai perlindungan di bawah PERKESO (warganegara/penduduk tetap) atau Perlindungan Insurans/Takaful yang mana berkaitan kepada MBSJ sebelum memulakan perkhidmatan ini dan perlu merujuk Perkara 22 dalam Arahan Kepada Petender. Perkara ini akan dinyatakan dengan lebih jelas di Surat Setuju Terima (SST) untuk jenis insurans yang perlu diambil.
- 1.1.2 Menyediakan Bon Pelaksanaan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender)
- 1.1.3 Menyediakan Laporan Bulanan yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan bagi perkhidmatan ini dengan anggaran **enam (6)** helaian muka surat
- 1.1.4 Membekal dan memasang **dua (2)** unit papan tanda makluman berkaitan perkhidmatan ini sepertimana gambar yang dilampirkan.
- 1.1.5 Petender hendaklah menyediakan peralatan yang lengkap untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan ini seperti berikut :
 - a) Penyapu (4 unit)
 - b) Pencakar (4 unit)
 - c) Penyapu sawang (4 unit)
 - d) Mesin Rumput Jenis Tolak (1 unit)
 - e) Mesin Rumput Jenis Sandang (1 unit)
 - f) Mesin Baja (Spreader Machine) (1 unit)
 - g) Kereta Sorong (1 unit)
 - h) Tangga (1 unit)
 - i) Paip getah (2 gelung)
 - j) Baldi (4 unit)
 - k) Set Mop (4 unit)
 - l) Vakum (1 unit)

- 2.0 PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA - LUAR DAN DALAM BANGUNAN, GELANGGANG SUKAN, GIMNASIUM, RUANG PEJABAT, PERPUSTAKAAN, BILIK MESYUARAT, SURAU, BILIK REHAT, BILIK PERSALINAN, TANDAS, TEMPAT MELETAK KENDERAAN, LONGKANG DAN PERSEKITARAN**
- 2.1 Memastikan keseluruhan ruang kemudahan sentiasa bersih dan tiada sampah bertaburan sepanjang masa dengan perkhidmatan penyapuan sampah dijalankan tiga (3) kali sehari atau setiap kali ternampak sampah.
 - 2.2 Menjalankan perkhidmatan mencuci dan mengemop lantai di ruang kemudahan sebanyak dua (2) kali sehari kali ada kekotoran.
 - 2.3 Mengelap keseluruhan peralatan perabot pejabat, kipas, lampu, pintu, tingkap, railing tangga dan yang berkaitan dengannya, satu (1) minggu sekali atau setiap kali ada kekotoran.
 - 2.4 Membuang sawang dan sarang labah-labah dua (2) minggu sekali.
 - 2.5 Membantu mengangkat dan mengemas segala peralatan atau lain-lain yang berkaitan dengan aktiviti MBSJ yang dijalankan. Perkhidmatan dijalankan sebelum dan selepas aktiviti diadakan.
 - 2.6 Mencuci dan membasuh tandas lelaki dan perempuan serta memastikan lantai, dinding dan peralatan tandas sentiasa bersih, kering dan tidak berbau.
 - 2.7 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah menggunakan bahan pencuci yang dibenarkan. Pencucian dan pembersihan hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut : -
 - 2.7.1 Menanggal, mencuci dan menyapu kotoran seperti debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah sarap).
 - 2.7.2 Menanggal, mencuci dan menyapu daki kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana berkenaan.
 - 2.7.3 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa dan sempurna.
 - 2.7.4 Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
 - 2.8 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
 - 2.9 Menyediakan sabun pencucian tangan yang mencukupi serta memastikan mesin pengering tangan sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
 - 2.10 Penyediaan bekas tisu dan tisu tandas di setiap tandas di kemudahan.
 - 2.11 Membuang sawang labah-labah, sampah di dalam atau perkarangan tandas tersebut.

- 2.12 Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.
- 2.13 Menanggal, mencuci dan menyapu kotoran seperti debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah sarap).
- 2.14 Menanggal, mencuci dan menyapu kotoran seperti pelekat, debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah sarap).
- 2.15 Menanggal, mencuci dan menyapu daki kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana berkenaan.
- 2.16 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa dan sempurna.
- 2.17 Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
- 2.18 Mencuci longkang di sekeliling kawasan kemudahan sebanyak satu (1) kali setiap hari dan setiap kali ada kekotoran.
- 2.19 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah dua (2) kali sehari atau setiap kali sampah diangkat oleh pihak kontraktor pembersihan yang di lantik oleh pihak MBSJ.
- 2.20 Kontraktor dikehendaki membersihkan dan menyapu keseluruhan kawasan tempat letak kereta, koridor dan lain-lain kawasan lain sebanyak dua (2) kali sehari termasuk mengutip dan mengangkat sampah sarap seperti plastik, kertas, kaca, batu, tin minuman, daun kering, najis, bangkai binatang dan lain-lain. Sampah ini hendaklah dibuang di tempat pembuangan sampah.
- 2.21 Petender dikehendaki menyediakan tenaga buruh seperti berikut bagi melaksanakan perkhidmatan pembersihan di lokasi ini :

LOKASI	PEKERJA	JUMLAH PEKERJA	HARI	WAKTU/ MASA
KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA	Buruh Am	4	Isnin – Ahad	8.00 pagi – 6.00 petang

- 2.22 Tanggungjawab petender di dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut :
 - 2.22.1 Tenaga pekerja yang disediakan hendaklah berusia tidak melebihi 60 tahun, disahkan sihat, mampu dan berupaya untuk bekerja setiap hari (30) hari termasuk hari Sabtu dan Ahad dan cuti Umum/Am.
 - 2.22.2 Petender dikehendaki mengadakan dan menyediakan dengan secukupnya keperluan peralatan kerja tiap-tiap hari bekerja iaitu penyediaan peralatan pembersihan seperti *mopping equipment*, tong sampah kecil dalam tandas, pengelap cermin dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 2.23 Petender dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut;
 - 2.23.1 Mencuci dan mengemop lantai dan keseluruhan gelanggang sukan, bilik serbaguna, bilik mesyuarat dan tandas sebanyak minima 3 kali sehari atau setiap kali terdapat kotoran.

- 2.23.2 Membuang sawang labah-labah.
- 2.23.3 Membersih segala peralatan seperti kipas, cermin kaca, pintu, tingkap, lampu, papan tanda dan lain-lain 1 kali dalam seminggu.
- 2.23.4 Mencuci dan membasuh longkang kecil di sekeliling bangunan sekurang-kurangnya 2 kali sehari dan memungut sampah di dalam longkang setiap kali terdapat sampah.
- 2.23.5 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah – 2 kali sehari dan setiap kali tong sampah penuh.
- 2.24 Petender dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan kawasan di sekitar dan sekeliling kawasan tiap-tiap hari. Ini termasuklah mengutip segala sampah-sarap yang tidak diingini seperti kertas, plastik, kaca batu, tin minuman dan lain-lain. Segala dahan, pelepah, daun, ranting kering yang gugur mesti dibersihkan dan dimasukkan ke dalam plastik berwarna biru dan dibuang ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan oleh pihak MBSJ pada hari itu juga.
- 2.25 Pemotongan RM50.00 akan dilaksanakan sekiranya sampah tidak diangkat.
- 2.26 Petender juga dikehendaki membuang batu pada rumput dan membersihkan tumbuhan asing (jika ada).
- 2.27 Petender dikehendaki mengeringkan atau menolak takungan air di gelanggang atau padang yang sediada jika berlaku hujan lebat yang menyebabkan takungan air.
- 2.28 Membuang apa jua jenis rumpai dan tumbuhan liar yang tumbuh di sepanjang pagar sekeliling kawasan kemudahan.
- 2.29 Menyusun dan memasang penutup longkang agar sentiasa kemas dan teratur.
- 2.30 Penyediaan peralatan seperti selipar, pelapik kasut, gelung 'hose' getah di tempat-tempat seperti Tandas, Bilik Persalinan dan Tempat Mengambil Wuduk.
- 2.31 Menyusun dan mengemas semula peralatan yang digunakan di dalam Dewan Serbaguna seperti memasang tiang badminton, membuka net badminton, menyusun kerusi/meja dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 2.32 Menyapu, mengelap peralatan setiap kali ada penggunaan dan menyusun semula peralatan di tempat yang disediakan.
- 2.33 Papan Tanda Informasi Kerja hendaklah di pasang di tempat yang senang dilihat. Sila berhubung dengan Pegawai Penguasa atau wakilnya sebelum kerja-kerja pemasangan dilakukan.
- 2.34 Lain-lain kerja pembersihan yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya mengikut keadaan semasa.

3.0 PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT

- 3.1 Memotong rumput adalah perkhidmatan membuat pemotongan rumput dengan menggunakan alat-alat yang sesuai dan tajam bagi menjamin hasil kerja yang memuaskan.
- 3.2 Perkhidmatan memotong rumput sebaiknya dilakukan pada sebelah pagi.
- 3.3 Panjang rumput bagi sesebuah padang adalah sebaik-baiknya antara 1" – 1½". Sekiranya keadaan rumput masih pendek dan tidak memerlukan pemotongan, pihak MBSJ akan meminta pusingan pemotongan itu ditangguhkan atau dibatalkan tanpa mengubah jumlah harga kontrak.
- 3.4 Perkhidmatan memotong rumput mestilah dibuat dengan menggunakan mesin-mesin rumput yang sesuai yang dibenarkan oleh pihak MBSJ.
- 3.5 Memotong rumput yang dibenarkan adalah menggunakan pisau (*blade*) jenis *rotary* sahaja.
- 3.6 Kontraktor mestilah memastikan agar kawasan pemotongan **disapu** dan dibersihkan setiap kali selepas pemotongan dibuat.
- 3.7 Kadar pemotongan rumput adalah **dua (2)** kali sebulan dan pihak kontraktor dikehendaki mengikut jadual pemotongan yang disediakan mengikut hari-hari tertentu.

4.0 PERKHIDMATAN PEMBAJAAN PADANG

- 4.1 Membaja bermaksud membekalkan baja dengan kadar yang ditetapkan mengikut kaedah dan spesifikasi yang ditetapkan.
- 4.2 Baja-baja untuk rumput yang boleh digunakan di pasaran hari ini iaitu dalam bentuk bijian.
- 4.3 Cara membaja perlu dibuat dengan cermat dan teliti bagi memastikannya supaya pokok mendapat baja yang merata bagi mendapatkan rumput yang subur.
- 4.4 Faktor penting yang mesti diberi perhatian dan tindakan selepas pembajaan ialah menyiram air secukupnya di permukaan padang bagi mengelakkan rumput menjadi kuning dan mati.
- 4.5 Kadar membaja adalah **sekali** dalam sebulan (**1x sebulan**). Walaubagaimanapun, kekerapan ini boleh ditambah menjadi 2 kali sebulan sekiranya pokok-pokok tidak subur dan kontraktor mestilah melakukan kerja-kerja tambahan pembajaan ini tanpa sebarang tambahan kos.
- 4.6 Jenis dan kadar penggunaan baja adalah seperti berikut :

LOKASI PADANG	JENIS BAJA (50kg setiap beg)	JUMLAH BEG BAJA
Kompleks 3K Serdang Raya	NPK 15 : 15 : 15	3 beg sebulan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN

1.0 KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN.

1.1	POTONG RUMPUT	
	1.1.1 Rumput yang tidak dipotong.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi.
	1.1.2 Potongan tidak sempurna dan tidak dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi.
	1.1.3 Rumput yang telah dipotong tidak dikutip.	RM50.00 satu beg hitam besar.
1.2	PEMBAJAAN	
	1.2.1 Padang Tidak Dibaja.	Mengikut kadar semasa harga baja.
1.3	CUCI / SAPU KAWASAN	
	1.3.1 Kawasan tidak disapu/dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi keluasan lantai.
	1.3.2 Sampah-sampah sapuan dibiarkan berlonggokan.	RM50.00 satu beg hitam besar.
1.4	TONG SAMPAH KECIL / BESAR	
	1.4.1 Tong sampah kecil tidak dibersihkan.	RM50.00 satu tong kecil.
1.5	PEKERJA	
	1.5.1 Bilangan pekerja tidak mencukupi.	RM50.00 seorang.
	1.5.2 Pekerja tidak memakai jaket/pakaian pekerja.	RM50.00 seorang
1.6	BANGKAI BINATANG	
	1.6.1 Tidak diangkat dengan segera	RM100.00 seekor.
1.7	DAYA KECEKAPAN PENTENDER	
	1.7.1 Kakitangan tidak memakai pakaian seragam yang ada nama syarikat.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.7.2 Kecekapan dan keberkesanan mengatasi aduan kebersihan.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
1.8	PEMBAIKAN KEROSAKAN KECIL	
	1.8.1 Tidak membuat aduan bertulis.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
1.9	PERALATAN PENYELENGGARAAN	
	1.9.1 Tidak Menyediakan Bahan Pencuci Tangan Di Setiap Tandas	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
	1.9.2 Tidak Menyediakan Tisu Tandas Di Setiap Tandas	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
1.10	MEMBUAT GARISAN GELANGGANG	
	1.10.1 Tidak membuat garisan gelanggang	Mengikut kadar semasa cat baja
	1.10.2 Garisan gelanggang cepat pudar akibat penggunaan cat yang cair	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
	1.10.3 Garisan gelanggang yang tidak sempurna atau tidak lurus	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis




MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M

PELAN LOKASI / GAMBAR


PELAN LOKASI, KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN

	<p>TANPA SKALA</p> <p>TAJUK : KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN</p>	<p>HARTA SUBJEK</p>	 <p>DISEDIAKAN OLEH : BAH. KEMUDAHAN & PEMBANGUNAN SUKAN JPM, MBSJ</p>	<p>PELAN LOKASI</p>
---	--	----------------------------	---	----------------------------




**GAMBAR KOMPLEKS 3K SERDANG RAYA, SERI
KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN**





SPESIFIKASI PAPAN TANDA MAKLUMAN



PAPAN TANDA DI BANGUNAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN N

MAKLUMAT PETENDER